

25/03/1997

Israel hargai layanan saksama Malaysia

ISRAEL yang diundang menyertai Kejohanan Trofi Persatuan Kriket Antarabangsa (ICC), menghargai layanan yang diberikan kepada pasukannya yang berada di Kuala Lumpur, sejak Jumaat lalu.

Pengurus pasukan, Stanley Perlman, berkata walaupun Tel Aviv dan Kuala Lumpur tidak ada hubungan diplomatik, dia gembira diberi layanan saksama.

Israel adalah antara 22 negara yang dijemput menyertai kejohanan 21 hari itu.

Negara itu tidak pernah dijemput menyertai kejohanan sukan di Malaysia sebelum ini. Di peringkat Asia, kali terakhir Israel mengambil bahagian ialah dalam Sukan Asia di Iran 1974.

Perlman menyifatkan Malaysia sebagai negara yang baik dan pemain tidak mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan serta negara-negara peserta lain.

Dia juga berkata kejohanan di Kuala Lumpur akan memberikan pendedahan yang baik kepada pemain negara itu dan mereka mahu menunjukkan semangat kesukanan Israel sebagai anggota ICC.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan kerajaan membenarkan pasukan kriket Israel menyertai kejohanan antarabangsa di negara ini ialah untuk menyedarkan mereka bahawa masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama dengan aman dalam sebuah negara seperti Malaysia. - Bernama

(END)